

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2006

PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN JURUPULIH PERUBATAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan Gred U29, U32, U36, U38, U40 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005.

LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana dimaklumi, berikutan pewujudan skim perkhidmatan Pengajar yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2005 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005, skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan turut dipinda dengan memasukkan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke skim perkhidmatan Pengajar Gred U41 dan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41. Walau bagaimanapun, syarat lantikan daripada calon berkeelayakan diploma dan ijazah masih dikekalkan.

3. Skim perkhidmatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41, U44, U48, U52, U54 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2004 telah memperuntuk syarat lantikan ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan yang mana syarat lantikan yang sama

bagi skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan. Oleh yang demikian, syarat lantikan ijazah di dalam skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan perlu digurukan.

SKIM PERKHIDMATAN JURUPULIH PERUBATAN

4. Skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan yang baru menetapkan syarat lantikan seperti berikut:

- a. Diploma Jurupulih Cara Kerja atau Diploma Fisioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b. Diploma Jurupulih Cara Kerja (*Occupational Therapy*) daripada *London School of Occupational Therapy* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- c. lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5. Skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan yang baru adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut adalah di **Lampiran B**.

6. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini semua lantikan sebagai Jurupulih Perubatan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan Gred U29, U32, U36, U38, U40 dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

TARIKH KUAT KUASA

7. Skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan Gred U29, U32, U36, U38, U40 yang baru ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2006**.


PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2005 di Lampiran D Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Julai 2006 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

28 Jun 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran A

SKIM PERKHIDMATAN JURUPULIH PERUBATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred U29	:	P1T1	RM928.55	-	P1T27	RM2445.89
		P2T1	RM985.42	-	P2T27	RM2623.76
		P3T1	RM1044.71	-	P3T27	RM2781.06
Gred U32	:	P1T1	RM1567.43	-	P1T20	RM2925.05
		P2T1	RM1683.59	-	P2T20	RM3227.55
Gred U36	:	P1T1	RM2445.89	-	P1T11	RM3617.17
		P2T1	RM2616.50	-	P2T11	RM3999.53
Gred U38	:	P1T1	RM3023.06	-	P1T8	RM3954.76
		P2T1	RM3304.99	-	P2T8	RM4312.92
Gred U40	:	P1T1	RM3555.46	-	P1T7	RM4513.78
		P2T1	RM3893.05	-	P2T7	RM4923.97

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Diploma Jurupulih Cara Kerja atau Diploma Fisioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6); atau
 - Diploma Jurupulih Cara Kerja (*Occupational Therapy*) daripada London School of Occupational Therapy yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T7);
- dan
- lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Jurupulih Perubatan Gred U29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Jurupulih Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Jurupulih Perubatan Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Jurupulih Perubatan Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Jurupulih Perubatan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32**
9. Jurupulih Perubatan Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36**
10. Jurupulih Perubatan Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U38**
11. Jurupulih Perubatan Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U38 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U40**

12. Jurupulih Perubatan Gred U38 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurupulih Perubatan Gred U40 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI PEMULIHAN
PERUBATAN DAN
PENGAJAR**

13. Jurupulih Perubatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 dan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 [Lampiran D Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005].

Lampiran B

FORMAT IKLAN

1. (a) Jawatan : Jurupulih Perubatan
- (b) Kementerian : -
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Perkhidmatan

2. Jadual Gaji

Jadual Gaji Matriks

Gred U29	:	P1T1 RM928.55	-	P1T27 RM2445.89
		P2T1 RM985.42	-	P2T27 RM2623.76
		P3T1 RM1044.71	-	P3T27 RM2781.06
Gred U32	:	P1T1 RM1567.43	-	P1T20 RM2925.05
		P2T1 RM1683.59	-	P2T20 RM3227.55
Gred U36	:	P1T1 RM2445.89	-	P1T11 RM3617.17
		P2T1 RM2616.50	-	P2T11 RM3999.53
Gred U38	:	P1T1 RM3023.06	-	P1T8 RM3954.76
		P2T1 RM3304.99	-	P2T8 RM4312.92
Gred U40	:	P1T1 RM3555.46	-	P1T7 RM4513.78
		P2T1 RM3893.05	-	P2T7 RM4923.97

3. Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Diploma Jurupulih Cara Kerja atau Diploma Fisioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);
atau

(ii) Diploma Jurupulih Cara Kerja (*Occupational Therapy*) daripada *London School of Occupational Therapy* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T7);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat